

03/10/1997

Malaysia tawar kemudahan kerjasama, latihan

MONTEVIDEO, Khamis - Malaysia hari ini menawarkan kerjasama dan kemudahan latihan dalam pelbagai bidang kepada pihak pentadbiran Bandaraya Montevideo melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu bertujuan membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengalaman, selain belajar antara satu sama lain.

"Ibu kota mempunyai peranan unik dalam pembangunan nasional. Ia boleh bertindak sebagai katalis dan tempat percubaan bagi perubahan nasional, selain menjadi penggerak idea baru untuk seluruh negara," katanya pada majlis penyerahan simbolik kunci Bandaraya Montevideo oleh datuk bandarnya, Nariano Arana Sanchez, sebagai tanda setiakawan rakyat Uruguay, khususnya warga kota itu, di sini hari ini.

Dr Mahathir juga yakin usahawan Malaysia yang turut sama dalam lawatan beliau selama dua hari ke Uruguay berakhir hari ini, dapat mengenal pasti peluang perniagaan yang wujud di bandar raya itu.

"Saya berharap mereka akan kembali semula ke sini untuk merebut peluang perniagaan yang terbuka luas, sekali gus mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri diberi penghormatan meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan General Artigas, pejuang kemerdekaan Uruguay di Independencia Plaza.

Jose Gervasio Artigas adalah pencetus idea kemerdekaan, demokrasi dan kedaulatan bagi rakyat Uruguay pada awal abad ke-19. Di bawah pimpinannya, seluruh negara bangun berjuang membebaskan negara itu daripada cengkaman penjajah Sepanyol.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri sempat menghadiri pertemuan tertutup antara ahli perniagaan Malaysia dan Uruguay.

(END)